

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 24/4/2016

Muka surat: 4

Tajuk : Belia didefinisi berusia bawah 30 tahun

Belia didefinisi berusia bawah 30 tahun

FENNY SILONG

KOTA SAMARAHAN: Dasar baharu belia 2018 akan mendefinisikan golongan itu di bawah umur 30 tahun (kini 40 tahun) apabila negara memerlukan lebih ramai pelapis dan bakal pemimpin yang datang daripada penuntut universiti.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, dasar ini akan menarik lebih ramai pelajar universiti menyertai persatuan belia dalam usaha mengurangkan jurang sedia ada.

"Justeru kita melaksanakan program Jelajah Kampus Rakan Muda di beberapa buah universiti di seluruh negara bagi menggantikan Festival Belia Putrajaya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Jelajah Kampus Rakan Muda Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini semalam.

Turut hadir Menteri Kerja Raya, Dato Sri Fadillah Yusof.

Menurut Khairy, program terbabit akan dilaksanakan di enam universiti di seluruh negara apabila UNIMAS menjadi universiti pertama untuk pelancarannya.



JELAJAH... Khairy Jamaluddin melihat aktiviti pelajar pada Program Rakan Muda Jelajah Kampus, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan, semalam. Foto NORDIN MD DIAH

"Kita memilih universiti tempatan sebagai tuan rumah sepanjang tahun dalam usaha membawa program ini ke peringkat akar umbi.

"Selepas UNIMAS, kita akan melancarkan siri Jelajah Kampus Rakan Muda di Universiti

Putra Malaysia (UPM) pada 15 Mei yang juga Hari Belia Negara, kemudian ke Taylor's University, Selangor (Julai), Universiti Multimedia Melaka (Ogos), Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu (September) sebelum berakhir di Universiti Utara

Malaysia (Oktober)," jelasnya.

Tambah Khairy, program sebegini akan memberi peluang kepada penuntut universiti menyerlahkan bakat masing-masing dalam pelbagai bidang.

"Program ini juga sebagai satu platform kepada kesinambungan Rakan Muda di kolej atau Universiti apabila persatuan terbabit tidak lagi fokus kepada program besar-besaran berbanding dahulu.

"Oleh itu, kita lancarkan semula Sekretariat Rakan Muda UNIMAS agar bergiat aktif seperti sebelumnya," ujarnya.

Beliau turut berharap supaya golongan belia mengetahui akan wujudnya geran yang boleh dipohon dalam pelbagai bidang apabila membawa impak positif kepada masyarakat.

"Kita mempunyai geran sebanyak RM20 juta dan sebahagian daripadanya telah dipohon bergantung kepada projek yang dibangunkan oleh golongan belia.

"Secara purata, kita memberi geran kira-kira RM10,000 hingga RM20,000 kepada peserta," katanya.

Belia yang ingin memohon geran terbabit boleh mendaftarkan diri di laman sesawang di www.rakanmuda.my.